

W

alaupun  
kemungkinan  
untuk wanita  
mempunyai

fibroid adalah tinggi namun simptomnya agak sukar untuk dikesan. Ramai yang tidak menyangka mempunyai ketumbuhan ini sehinggalah mereka membuat pemeriksaan bersama ginekologis. Fibroid adalah sesuatu yang biasa bagi wanita dan ia pada asalnya tidak berbahaya namun ia berpotensi untuk mendatangkan penyakit lain kepada wanita yang mengalaminya. Ada fibroid yang tidak membesar dan akan mengecut sendiri apabila menopause tetapi ada juga yang membesar dek kerana rembesan hormon estrogen dan progesteron yang cukup sensitif pada sel fibroid menyebabkan ia cepat membesar. Jika fibroid begitu cepat membesar dan boleh menghinggap atau melekat pada organ-organ lain, ketika itulah ia mengandungi kemudaratan.

Ia turut membawa kesengsaraan lain bagi pesakit. Terdapat kes-kes ketumbuhan fibroid yang memudaratkan apabila tumbesannya berlaku dengan begitu pantas. Dari sekelumit kutil ia boleh membesar sehingga 50 paun dan rekod fibroid terbesar dikeluarkan di dunia adalah 140 paun! Penulis pernah menyaksikan sendiri fibroid yang berjaya dikeluarkan dari rahim kakak sulung, sebanyak tujuh ketul. Lima daripadanya sebesar bola ping pong dan dua lagi sebesar bola tenis! Mengikut kajian, fibroid adalah berbeza dengan kanser rahim. Namun jika anda berisiko mempunyai fibroid ada kemungkinan juga anda berisiko untuk menghidapi kanser rahim. Penulis merungkai segala persoalan lanjut mengenai fibroid dan berkongsi pengalaman sebenar penghidap fibroid.

# RISIKO FIBROID UTERUS, PENYEBAB BARAH JUGA TIDAK SUBUR?

*Fibroid bagaikan sudah menjadi lumrah bagi wanita, biarpun tidak berbahaya namun risikonya tetap ada.*

TEKS IZZATI SAADIN GAMBAR 123RF.COM

**“Jika anda berisiko mempunyai fibroid  
ada kemungkinan juga anda berisiko untuk  
menghidapi kanser rahim.”**



**TEMU BUAL BERSAMA  
DR. SHARIFAH SHAHIRAH  
SYED HASHIM,  
PENASIHAT OBSTETRIK  
DAN GINEKOLOGI,  
KPJ SPECIALIST, JOHOR.**

**Apakah yang dimaksudkan dengan Fibroid Uterus?**

Fibroid Uterus adalah pembesaran atau ketumbuhan sel-sel otot rahim yang menyebabkan rahim besar dan bengkak. Fibroid kebiasaannya berbentuk kebulatan. Ia dikategorikan bergantung kepada di mana ketumbuhan ini berlaku. Sebagai contoh, fibroid yang ditemui hanya di dalam otot rahim ialah intramural fibroid.

**Apakah yang menyebabkan Fibroid Uterus dan berapa kerapkah ia berlaku?**

Sebab terjadinya Fibroid Uterus tidak diketahui tetapi ada beberapa faktor yg dikaitkan dengan fibroid. Faktor-faktor itu adalah seperti berikut:

- Perubahan genetik.
- *Hormon estrogen and progesteron.* Semasa kitaran haid, organ reproduksi akan bersedia untuk kehamilan dan proses ini bergantung kepada hormon estrogen dan progesteron. Sel-sel fibroid adalah sensitif terhadap hormon estrogen dan progesteron, menyebabkan fibroid semakin membesar. Apabila seseorang wanita itu telah mengalami menopause dan kitaran haid sudah berhenti, fibroid akan mula

mengecut kerana kekurangan hormon estrogen dan progesteron.

**Apakah simptom Fibroid Uterus dan bagaimanakah ia dapat dikenal pasti?**

Kebanyakan wanita yang mempunyai fibroid tiada langsung simptom dan cuma mengetahui tentang kewujudan fibroid semasa membuat pemeriksaan rutin *pap smear* dan *ultrasound* pelvik. Ada segelintir yang mempunyai symptoms seperti darah haid yang banyak dan lama, kembung di perut, rasa tekanan di pelvik, masalah membuang air besar dan mudah terkencing – kencing.

**Saya difahamkan bahawa hampir 50% wanita diantara usia 35-49 memiliki fibroid, dengan 30% dari itu mengalami simptom yang mengganggu kehidupan. Berapa kerapkah fibroid jenis ini berlaku dan berapa seriuskah kes sebegini?**

Tahap keseriusan fibroid bergantung kepada simptom yang dihadapi oleh seseorang. Sebagai contoh, jika fibroid menyebabkan pendarahan haid yang banyak, wanita itu boleh mengalami kekurangan darah (anemia). Ini jika berlarutan, boleh menjadi masalah kesihatan yang serius seperti pitem, pengsan, lemah badan, sesak nafas dan jantung berdebar.

**Bagaimanakah fibroid boleh mengganggu kesuburan dan kehamilan, walaupun selepas pembedahan?**

- Fibroid kebiasaannya tidak menyebabkan kesusahan untuk mengandung kecuali jika ianya terlalu besar atau jika ianya tumbuh di dalam ruangan rahim (submucosal fibroid) di mana janin perlu melekat. Ada juga kemungkinan fibroid boleh dianggap sebagai penyebab jika ada beberapa keguguran

kandungan. Selain dari itu, fibroid juga boleh mengganggu proses bersalin jika saiznya besar and kedudukannya mengganggu bayi untuk turun ke pelvis. Ibu-ibu yang menghadapi masalah ini akan dinasihatkan untuk menjalani pembedahan *caesarean* untuk bersalin.

- Selepas pembedahan untuk membuang fibroid, ada kalanya ruangan rahim menjadi lekatan (adhesions). Ini akan menghalang janin dari melekat untuk kehamilan. Agak penting juga wanita yang menjalani pembedahan untuk fibroid juga tahu bahawa fibroid mungkin akan tumbuh semula selepas pembedahan.

**Saya dengar wanita tidak seharusnya mengambil produk soya kerana ia membawa kepada ketumbuhan fibroid. Benarkah?** Soya adalah sumber semula jadi estrogen dari tumbuh-tumbuhan dan dipercayai mungkin boleh menggalakkan pembesaran fibroid. Setakat ini tiada kajian yang menunjukkan soya boleh membesarkan fibroid.

**Apakah risiko yang hadir sekiranya fibroid dibiarkan tanpa rawatan – apakah ia boleh membawa maut atau kerosakkan kekal pada pesakit?** Risiko adanya fibroid bergantung kepada saiz dan lokasi fibroid itu. Kebiasaannya, fibroid tidak membawa maut atau menyebabkan kerosakkan kekal. Tetapi, jika fibroid itu menghasilkan simptom yang serius seperti pendarahan yang banyak, ianya akan mengganggu kesihatan di masa akan datang seperti menghidap penyakit anemia dan sebagainya.

**Apakah jenis rawatan yang ada untuk merawat fibroid dan sejauh manakah keberkesanan**

**rawatan-rawatan yang ada – pembedahan, ubatan, suntikan dan sebagainya?**

- Rawatan untuk fibroid bergantung kepada simptom, umur pesakit dan jika ada kemahuan untuk hamil.
- Cara rawatan boleh dikategorikan kepada tiga – pembedahan, *embolisation* atau ubat.
- Bagi kategori pembedahan, jika seseorang tidak ada keinginan untuk hamil dan memiliki fibroid yang besar, doktor mungkin akan menyarankan *hysterectomy*, iaitu pemuangan rahim. Alternatifnya ialah *myomectomy*, di mana hanya fibroid sahaja yang dibuang semasa pembedahan.
- *Embolisation* pula dilakukan oleh pakar radiologi di mana saluran darah ke fibroid itu disekat. Ini menyebabkan fibroid itu mengecut tanpa perlu dibuang.
- Untuk ubat-ubatan, ada dua jenis cara yang utama, ubat yang boleh dimakan atau ubat yang disuntik.

**1** Ubat yang dimakan adalah seperti tranexamic acid, untuk mengurangkan darah haid, hormon perancang keluarga, juga untuk mengurangkan haid. Dua-dua cara ini cuma mengurangkan darah haid tetapi tidak mengecutkan fibroid. Selain itu terdapat ubat yang diambil secara oral yang baru keluar di pasaran, iaitu Selective Progesterone Receptor Modulators (SPRM) yang mengurangkan pendarahan dan juga mengecilkan fibroid.

**2** Ubat suntikan pula selalunya digunakan sebelum pembedahan untuk mengecilkan fibroid dan mengurangkan pendarahan semasa pembedahan. Ubat ini berfungsi dengan cara memaksa ovary untuk menjadi menopause untuk sementara. Oleh itu, ubat suntikan ini kurang sesuai untuk diguna bagi jangkamasa yang lama.

## FAKTOR LAIN YANG MEMPENGARUHI KESUBURAN WANITA SELAIN FIBROID

Boleh doktor kongsi mengenai rawatan terbaru yang diperkatakan (merujuk kepada SPRM/ selective progesterone-receptor modulators? Dan bagaimanakah ia berbeza dengan jenis-jenis rawatan yang ada?

● Selective Progesterone Receptor Modulators (SPRM) adalah rawatan yang digunakan secara oral. Tujuannya adalah untuk mengurangkan pendarahan semasa haid dan mengecilkan saiz fibroid. Ia hampir serupa dengan indikasi rawatan suntikan hormon tetapi SPRM tidak menyebabkan ovari mengalami menopause sementara. Oleh itu wanita yang menggunakan SPRM tidak mengalami ketidakselesaan seperti panas, kurang libido dan berpeluh-peluh.

● Tambahan pula, SPRM tidak mengurangkan level estrogen di badan sewaktu rawatan. Maka ia tidak menyebabkan risiko osteoporosis walaupun digunakan untuk waktu yang berpanjangan.


● Seperti rawatan-rawatan lain, SPRM tidak semestinya sesuai untuk semua pesakit sebagai rawatan yang terbaik, kerana kita perlu mengambilkira semua faktor-faktor berkaitan dengan pesakit.

● Kesuburan wanita boleh dipengaruhi oleh banyak faktor-faktor seperti tiada penghasilan telur, tiub fallopio tersumbat atau rosak dan endometriosis. Kebanyakan wanita yang tidak mempunyai haid yang teratur mempunyai risiko tidak menghasilkan telur setiap bulan. Ini boleh disebabkan oleh banyak faktor-faktor seperti berlebihan atau terlalu kurang berat badan.

● Kerosakan tiub

fallopio pula mungkin disebabkan oleh jangkitan kelamin yang di mana tiada simptom semasa jangkitan itu berlaku. Ia juga mungkin disebabkan oleh luka atau radangan di dalam pelvis seperti appendix yang pecah (ruptured appendix) atau endometriosis.

● Endometriosis pula mengganggu kualiti telur yang dihasilkan, merosakkan fallopien tube yang penting untuk perjalanan sperma, janin dan merosakkan ovari.



**“Doktor pernah menyarankan saya membuang rahim – Nicole Lee, Pengarah Komunikasi, Digital & Media –PPD, L’Oreal Malaysia Sdn Bhd.**

**Saya punyai kenalan yang mempunyai fibroid dan berjaya mengeluarkan kesemuanya. Namun dia masih memiliki kesukaran untuk hamil. Apakah nasihat doktor dalam keadaan ini?**

Saya cadangkan dia bersama suaminya untuk berjumpa doktor kesuburan dan kedua suami dan isteri perlu menjalani pemeriksaan. Khas untuk kenalan anda yang pernah menjalani pembedahan, doktor mungkin perlu memeriksa sekiranya ada lekatan (adhesions) di dalam rahim yang boleh menyebabkan kesukaran untuk hamil.

Pada September 2016, saya telah mengalami pendarahan yang banyak ketika datang haid. Dan saya didatangi haid dua kali dalam sebulan. Jadi saya pun berjumpa dengan ginekologis di Pusat Perubatan Subang Jaya. Dia memberitahu terus kepada saya bahawa tiada berita baik tentang kondisi saya sekarang dan tanpa teragak-agak menyarankan supaya rahim saya dibuang. Katanya pendarahan yang banyak itu adalah disebabkan fibroid yang mana ia tidak

boleh dibuang kerana ia berada di posisi yang agak kritikal. Disamping itu juga dia menyarankan agar kedua-dua buah ovari juga dibuang untuk mengurangkan bersiko dari menghadapi kanser ovari, walaupun ovari saya dalam keadaan yang baik. Nasib saya baik kerana mempunyai kenalan dalam sektor perubatan dan saya mendapatkan ‘second opinion’ dan dia cukup terkejut mendengar yang saya perlu membuang rahim dan ovari saya.

kemudian saya mencuba rawatan Syurvedic Detox yang mana membantu untuk mengaturkan semula kitaran haid saya mengecutkan fibroid. Dan selepas setahun saya membuat semula pemeriksaan alangkah terkejutnya saya apabila fibroid saya telah tiada mengikut pemeriksaan ultrasound pelvis dan abdomen. Jadi saya rasakan, risiko fibroid ini adalah berdasarkan bagaimana kita merawatnya dan ia tidak semestinya pembedahan semata.